

Pelapis penyelidikan negara

ICe-CInno pamer idea kreatif, inovatif pelajar berasaskan teknologi komputer

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bagi melahirkan pelajar berkemahiran tinggi dalam bidang penyelidikan, Fakulti Komputeran Kolej Komputer dan Sains Gunaan (FKKSG) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Pertandingan dan Pameran Antarabangsa Berkaitan Inovasi Pengkomputeran (ICe-CInno), baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff, berkata pertandingan di UMP Kampus Gambang itu bertujuan menyediakan platform kepada pelajar menyalurkan idea kreatif dan inovatif bagi menghasilkan inovasi berasaskan teknologi komputer.

Katanya, pertandingan itu menyaksikan sebanyak 58 hasil



Prof Wan Azhar (berdiri, enam dari kiri) bersama-sama pemenang kategori khas

penyelidikan pelajar sekolah rendah, sekolah menengah, selain institusi pengajian tinggi dari kolej, politeknik dan universiti dipamerkan.

"Pertandingan ini diadakan bagi melahirkan pelapis muda memandangkan bidang inovasi berasaskan komputer bersifat universal.

"Malah, pertandingan ini bertepatan dengan keperluan negara yang kini berdepan dengan era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) bagi meningkatkan produktiviti dan kecukupan seiring transformasi

digital," katanya ketika merasmikan pertandingan itu.

Yang turut hadir, Dekan Kanan Kolej Komputer dan Sains Gunaan, Prof Madya Dr Ruzaini Abdullah Arshad dan Pengarah Program ICe-CInno, Dr Noorhuzaimi @ Karimah Mohd Noor.

Prof Wan Azhar berkata, FKKSG turut mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan itu untuk memenuhi keperluan terhadap teknologi robotik, internet benda (IoT), kepintaran buatan (AI), data analitik, pemrosesan imej, perisian, sistem

komunikasi mudah alih dan integrasi sistem digital antara elemen baharu yang bakal berkembang pada masa depan.

"Dengan penganjuran ini, kita dapat membudayakan inovasi dan memupuk kreativiti dalam kalangan pelajar, pendidik dan penyelidik melalui penerokaan bidang penyelidikan utama.

"Kelebihan ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan dan penguasaan, tetapi juga meningkatkan kualiti penyelidikan serta amalan semasa dalam industri," katanya.

Pada pertandingan itu, murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tok Sira Kuantan, Ahmad Fahim Luthfi Mohamad Safri dinobatkan penerima Anugerah Khas (Kategori Sekolah Rendah) melalui ciptaan inovasi bakul sampah mudah alih yang digerakkan melalui kereta robotik dikenali *Happy Dustbin*.

Anugerah Khas (Kategori Sekolah Menengah) dimenangi pasukan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Uda Utama yang menghasilkan inovasi *Lord of Lock*.

Bagi Anugerah Khas (Kategori Institusi Kemahiran dan Prasiswazah), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah diumumkan sebagai pemenang dengan inovasi *E-Commerce site for electrical services*.

Pemegang Anugerah Khas (Kategori Universiti) (Pascasiswazah) diraih siswazah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menghasilkan inovasi *Ontology Model in Analyzing Ethical Issues based on Ibnu Khalduns Thoughts*, manakala Anugerah Khas (Kategori Terbuka) dimenangi Saif Studio melalui inovasi *ERP School*.

Sementara itu, Anugerah Khas Alumni UMP dimenangi Politeknik Muadzam Shah dengan penyelidikan *Fish Feeder Monitoring Android Application*.